- ii. Sustainable Development Goal Indicator (SDG), Malaysia, 2021, People Focus Area;
- iii. Sustainable Development Goal Indicator (SDG), Malaysia, 2021, Prosperity Focus Area;
- iv. Sustainable Development Goal Indicators (SDG), Malaysia, 2021, Planet Focus Area; and
- v. Sustainable Development Goal Indicators (SDG), Malaysia, 2021, Peace and Partnership Focus Area.



Exhibit 3: SDG Indicators Publication Report, Malaysia, 2021

The **executive summary** presents a snapshot of the available SDG indicator achievements as well as the assessment status of 248 SDG indicators. Available SDG indicator statistics are also reported to facilitate user reference. Meanwhile, the statistical tables are included in four separate publications according to the five Focus Areas.

The **People Focus Area** covers five goals which are Goal 1: No Poverty, Goal 2: Zero Hunger, Goal 3: Good Health and Well-Being, Goal 4: Quality Education and Goal 5: Gender Equality.

The **Prosperity Focus Area** covers five goals namely Goal 7: Affordable and Clean Energy, Goal 8: Decent Work and Economic Growth, Goal 9: Industry, Innovation and Infrastructure, Goal 10: Reduced Inequalities and Goal 11: Sustainable Cities and Communities.

The **Planet Focus Area** covers five goals namely Goal 6: Clean Water and Sanitation, Goal 12: Responsible Consumption and Production, Goal 13: Climate Action, Goal 14: Life Below Water and Goal 15: Life on Land.

The **Peace and Partnership Focus Areas** cover two goals namely Goal 16: Peace, Justice and Strong Institutions and Goal 17: Partnerships for the Goals.

6 Impact COVID-19 Pandemic to SDG

The Movement Control Order (MCO) which been implemented in 2020 and 2021 has affected the economic, social and environmental sectors and also affecting the achievement of the 2030 Agenda. However, despite this negative impact, there were SDG indicators that showed a positive impact in 2021. For People focus area, the death rate caused by road accidents has decreased from 14.3 per cent in 2020 to 13.9 per cent in 2021. For Prosperity focus area, the occupational injury rate per 100,000 workers decreased to 143 in 2021 as compared to 218 in the previous year.

Positive affects can also be seen in the Planet focus area whereby marine water quality based on the measurement of the Malaysian Marine Water Quality Index (MMWQI) at 368 in coastal, estuary and island stations has improved. All types of stations showed an increase in the number of stations for the Excellent category in the MMWQI measurement in 2021. The number of marine quality stations in coastal areas increased by 16 per cent to 85 stations, the number of marine quality stations in river estuary areas increased by 5 per cent to seven stations and the number of marine quality stations in the island areas increased by 7 per cent to 53 stations. Peace focus area showed the number of victims of murder for violent crimes reported to Royal Malaysia Police (RMP) decreased to 243 in 2021 as compared to 253 cases in 2020. Cases of injury also decreased to 4,063 cases as compared to 4,118 cases in 2020. For Partnership focus area, the use of the internet has increased significantly to 96.8 per cent (2021) as compared to 89.6 per cent (2020).



7

Conclusion

SDGs have been aligned to the Malaysia Plan. Hence, it is crucial for the agencies to ensure the availability of indicators as it serves as an important measure in monitoring the achievements of 12MP and 2030 Agenda.



BAHAGIAN *PART*

3

Artikel

Article



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



ARTIKEL

Saintis Komuniti: Integrasi Pengajian Tinggi dan Saintis Komuniti ke Arah Pembangunan Masyarakat

Disediakan oleh: Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Prof. Dr. Fauziah Abu Hasan, Dr. Zuha Rosufila Abu Hasan, Prof. Madya Ts. Dr. Amir Izzwan Zamri, Siti Nurhasmira Abu Hassan
Universiti Malaysia Terengganu

Tanah dan lautan saling berkaitan dengan matlamat pembangunan mampan secara global yang meluas, termasuklah peningkatan ketahanan terhadap krisis iklim, keselamatan makanan dan penambahbaikan ekuiti sosial. Pemahaman dan pengurusan yang lebih baik daripada aspek kemampan bermula dengan penggunaan tanah, tenaga dan makanan, pengurusan sisa, perikanan mampan sehingga kepada ekosistem kesihatan bertujuan untuk mengurangkan pencemaran. Menyedari bahawa pengurusan sumber mampan adalah memerlukan kerjasama rentas sempadan serta libatsama daripada pelbagai sektor pada tahap yang belum pernah dicapai sebelum ini. Malaysia menyokong penggunaan sains sebagai panduan kepada perundangan negara dan antarabangsa dalam mengawal selia penggunaan sumber dan melindungi alam sekitar.

Universiti dijadikan sebagai institusi yang tertinggi dalam pembelajaran, komunikasi, pertukaran idea dan pemikiran. Selain itu, universiti menyediakan data dan mengesahkan penemuan, pengetahuan dan maklumat untuk disebarkan dalam pembuatan keputusan yang rasional kepada pembuat dasar demi manfaat penyelidik, pelajar dan masyarakat. Peranan universiti juga meluas dalam mengukuhkan komuniti setempat melalui perkongsian aktiviti dan kaedah komunikasi sains, melibatkan diri dengan penduduk tempatan atau menjadi sumber rujukan sebagai penasihat dasar. Oleh itu, adalah penting bagi universiti untuk turun padang dan bertemu masyarakat setempat bagi memahami masalah dihadapi, belajar dan mempraktik semula, bersama-sama membangunkan projek dengan pakar tempatan, yang mana sebahagiannya mempunyai kelebihan daripada segi pengetahuan setempat. Penglibatan komuniti tempatan mencerminkan agenda besar Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Umumnya, keterlibatan mereka dalam projek sains dan sains komuniti yang terdiri daripada golongan bukan profesional ini merangkumi sumber khalayak (*crowd sourcing*), analisis dan pengumpulan data berupaya dalam pembahagian komponen besar kepada komponen yang boleh difahami.

Bagi Universiti Malaysia Terengganu (UMT), peningkatan minat dan penglibatan saintis tempatan dalam aktiviti sains dan penyelidikan dilihat sebagai satu kelebihan. Ia membolehkan UMT meluaskan penyelidikan ke dalam bidang baharu dan menerokai permasalahan yang sebelum ini berada di luar kemampuan seorang penyelidik atau bilangan penyelidik yang terhad. Penglibatan komuniti dalam penyelidikan juga menjadi tarikan dan diterima orang ramai, sekali gus mengukuhkan reputasi universiti untuk masyarakat. Saintis komuniti bukan saintis profesional dan datang daripada pelbagai latar belakang. Mereka berminat melibatkan diri dalam khalayak umum dan penyelidikan untuk menangani masalah; mengetengahkan keutamaan penyelidikan; mereka bentuk penyelidikan bersama; pendokumenan data, membantu kerajaan dan universiti dalam membuat dasar, serta menyokong dan menyumbang kepada perubahan. Sumbangan mereka boleh dilihat setara dengan saintis profesional atau sepenuh masa. Secara ringkasnya, seorang saintis komuniti boleh menghimpunkan penyelidik, penggubal dasar, pakar-pakar dan juga orang ramai dengan bekerjasama untuk menangani isu-isu seperti keselamatan makanan, maritim, mata pencarian komuniti dan biodiversiti sejajar dengan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030. UMT telah melakukan beberapa inisiatif secara kolaboratif bersama industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan melantik beberapa penduduk kampung di Tanah Bencha Setiu sebagai saintis komuniti melibatkan *SeaKeepers* projek HOPE dengan MMS, RHB untuk perlindungan karang dan penyau laut, *World Wide Fund for Nature Malaysia* (WWF-Malaysia), *Setiu Wetland Ecotourism Discovery* (ECOSWED) dan *Friends of Setiu*.

Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





Paparan 1: Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Terengganu dan WWF-Malaysia serta Pelancaran Prosiding Seminar Ekspedisi Sainstifik Tanah Bencah Setiu 2016



Paparan 2 : *Setiu Wetland Ecotourism Discovery (ECOSWED)* aktif menyertai program dan pameran untuk memasarkan produk tradisional buatan tangan dan sumber semula jadi dari Tanah Bencah Setiu



Paparan 3: Penglibatan Mok Su, pakar anyaman dalam projek Mek Flora. Ini adalah satu program keusahawanan sosial bertujuan untuk mengetengahkan hubungan unik antara manusia dan alam melalui ekopelancongan di Tanah Bencah Setiu



Paparan 4: Rumah Tokki menjadi tempat untuk aktiviti ekopelancongan bagi eksplorasi alam sekitar dan aktiviti masyarakat setempat di Tanah Bencah Setiu

Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





UMT telah menganugerahkan YM Tengku Azam Tengku Mat yang lebih dikenali sebagai 'Ayoh Ku' sebagai saintis komuniti kerana komitmen aktif beliau terhadap masyarakat khususnya di kawasan Tanah Bencah Setiu di Terengganu. Kepakaran beliau termasuklah pemuliharaan hutan bakau seperti penanaman semula dan pembiakan 'Berus Mata Buaya' (*Brugueira hainesii*) dan lebah kelulut. Sejak tahun 2020, Tapak Taman Kelulut Rumah Tokki di rumah 'Ayoh Ku' telah menjadi tumpuan bagi pemindahan ilmu kepada masyarakat berkaitan lebah kelulut dan eko-pelancongan. Kerjasama antara UMT dan projek komuniti 'Ayoh Ku' telah berjaya mendapatkan Geran Malaysia Inovasi Sosial (MyIS) Komuniti bernilai RM300,000; Geran Penyelidikan Translasional UMT RM30,000 dan dana tanggungjawab sosial korporat (CSR) RM55,000 dari Pharmaniaga Sdn. Bhd.

Seorang lagi komuniti saintis terkemuka ialah Encik Suzairi Zakaria atau lebih dikenali sebagai 'Dome Nikong' yang aktif memulihara serta memelihara orkid dan tumbuhan liar tempatan bersama saintis dari UMT, institusi pengajian tinggi yang lain dan agensi-agensi. Melalui dedikasi dan kerjasama beliau, Pusat Pemuliharaan Orkid Liar di Kg. Sungai Tong, Bandar Permaisuri, Terengganu dijadikan sebagai hab untuk dokumentasi, pembiakan dan pemindahan ilmu. Malah, sebagai pengiktirafan atas sumbangan cemerlangnya, spesies orkid baharu (*Chysis domei*) telah dinamakan sempena nama beliau. Beliau juga turut menyumbang data kepada penerbitan buku mewah terbitan *Terengganu Strategic & Integrity Institute* (TSIS) bertajuk "Setiu Wetland: A Celebration of Nature and Culture" dengan kerjasama ahli-ahli akademik UMT.


Paparan 5: Ayoh Ku melakukan demonstrasi menyedut madu kelulut di hadapan YAM Tengku Puteri Utama Raja Terengganu



Paparan 6: Encik Dome sedang beraksi untuk slot Majalah 3



Paparan 7: Encik Dome menunjukkan spesies baru *Thismia*, tumbuhan heterotropika yang ditemui di hutan Terengganu (gambar kiri) dan diistiharkan sebagai spesies baru, *Thismia domei*, bersempena nama beliau (gambar kanan)



Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





Negara kita boleh mendapat manfaat asas daripada komuniti saintis daripada segi projek, jaringan rangkaian dan kerjasama. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai strategi ke arah kejayaan pelaksanaan projek dengan wira-wira yang tidak didendang ini melalui pengenalan tujuan yang jelas; komunikasi berkesan; penglibatan yang aktif; serta kepelbagaian dan keterangkuman semua aspek pembangunan masyarakat. Kita perlu mengiktiraf saintis komuniti sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk amalan sains, rangka kerja penyelidikan dan menggunakan sepenuhnya potensi mereka bagi meningkatkan kepercayaan orang ramai terhadap institusi pengajian tinggi. Para saintis komuniti mencetus perubahan daripada segi melindungi alam sekitar dan ekosistem sekitar mereka. Kerjasama antara komuniti saintis dan saintis memberi manfaat kepada kedua-dua pihak kerana penyelidikan yang dijalankan akan lebih mudah diakses oleh masyarakat umum dan kesan kepada masyarakat akan menjadi lebih ketara. Penghasilan bersama pengetahuan baharu mampu memberi kesan positif kepada inisiatif dasar sains negara, alam sekitar dan SDG.

Paparan 8: Sahabat Setiu, persatuan yang ditubuhkan pada September 2015 oleh komuniti tempatan untuk memelihara dan memulihara ekosistem Tanah Bencah Setiu



Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





ARTIKEL

Malaysia ke Arah Membudayakan Cakna Lautan

Disediakan oleh: Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzil Mohd Akhir, Dr. PGeol. Khaira Ismail, Dr. Azizi Ali
Universiti Malaysia Terengganu



Malaysia memiliki garis pantai yang dinamik, kepelbagaian sumber lautan yang luar biasa, serta merupakan laluan perkapalan antarabangsa. Hal ini seharusnya memangkin Malaysia untuk menjadi sebuah negara pesisir contoh dalam memenuhi obligasi nasional di peringkat antarabangsa bagi sasaran SDG 14. Justeru, Malaysia komited dalam memenuhi sasaran ini melalui pelbagai program dan platform. Walau bagaimanapun, wujud pelbagai cabaran dan kekangan dalam merealisasikan usaha ini.

Pendekatan secara berkelompok atau sektoral merupakan cabaran utama dalam mengurus tadbir sumber dan aktiviti marin di Malaysia. Usaha sama secara kolektif dan terkoordinasi adalah perlu sebagai tunjang utama dalam mendukung masa depan lautan yang diidamkan. Oleh yang demikian, implementasi rangka kerja bagi menjaga kepentingan negara dalam membudayakan cakna lautan perlu diterapkan merangkumi setiap lapisan masyarakat.

Aksesibiliti Data Asas Lautan

Data asas lautan merangkumi semua perihalan yang berkaitan dengan sifat lautan, termasuk parameter geologi, fizikal, biologi dan kimia. Pemerolehan data selalunya didorong berdasarkan projek dan aktiviti jangka pendek tanpa melihat kepada kepentingan repositori di peringkat nasional untuk penggunaan jangka masa panjang. Sebagai contoh, di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), pangkalan data tempatan sedang dibangunkan oleh Institut Oseanografi dan Alam Sekitar (INOS) untuk mengatur metadata bagi sebarang pemerolehan data oleh penyelidik dalam UMT. Pada masa ini, pangkalan data ini hanya boleh diakses secara dalaman, dengan perancangan untuk memberi akses kepada awam di masa depan. Contoh data yang wujud didalam pangkalan data ini ialah kedalaman, kelajuan dan arah arus, kekondusian dan spesies hidupan lautan. Walau bagaimanapun, data ini adalah sangat terhad berbanding dengan keluasan lautan.

Paparan 9: Model konsep zon geomorfologi dan komposisi am ekologi terumbu karang di sekitar kawasan perairan Malaysia dan peralatan pensampelan yang bersesuaian dengan kedalaman. (Ihsan Khaira Ismail)



Paparan 10: Kawasan Zon Maritim Malaysia dan perolehan data berliputan penuh (menggunakan pamerum gema berbilang alur), liputan rendah (menggunakan pamerum gema alur tunggal) dan data asas lautan daripada pangkalan data UMT. (Ihsan NHC dan UMT)


Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM






Selain itu, inisiatif yang mendukung usaha sama ini ialah projek pemetaan Taman Laut Malaysia yang dijalankan secara berkala semenjak 2017, di antara UTM melalui kumpulan Ocean Mapping and Geospatial, Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Perikanan dan Pusat Hidrografi Nasional (PHN). Melalui usaha ini, tiga taman laut telah berjaya dipetakan dengan resolusi tinggi, iaitu Taman Laut Labuan, Taman Laut Redang dan Taman Laut Tioman. Data tersebut digunakan oleh semua agensi terlibat dalam bidang dan kepakaran masing-masing. Program sebegini telah menyumbang kepada urus tadbir laut yang efisien dengan menyediakan data seterusnya menggalakkan pembuatan keputusan berasaskan informasi. Usaha sebegini tidak seharusnya berhenti di sini sahaja. Malahan, inisiatif sebegini perlu digalakkan dengan melibatkan pihak-pihak berkepentingan laut untuk mencapai misi membudayakan cakna lautan di setiap pelosok negara.

Paparan 11: Contoh peta batimetri Taman Laut Labuan yang merupakan hasil kolaborasi antara DOF, PHN, UTM dan UMT (ihnsan DOF dan UMT)



Paparan 12: Contoh zon landskap marin beserta kumpulan biologi yang dicerap menggunakan teknik video transek (ihnsan DOF dan UMT)



Liputan perolehan dan penyelarasan ketersediaan data adalah amat penting untuk memastikan keefisienan tadbir urus lautan di Malaysia. Oleh itu, kerajaan patut mengambil peluang mewujudkan platform yang untuk membolehkan pihak-pihak berkepentingan lautan mengambil bahagian dalam merealisasikan sasaran SDG 14. PHN, melalui program Geospatial Marin 2050, boleh diberi mandat untuk menyelaraskan usaha sama pengumpulan dan menambah baik capaian data marin di peringkat nasional. Selain itu, kerjasama antara kementerian/jabatan/agensi/institusi kerajaan perlu ditambah baik untuk memaksimumkan manfaat penggunaan aset kerajaan, memastikan kualiti perolehan data lautan, dan meningkatkan penggunaan data seterusnya dapat mengurangkan kos dan masa.

Paparan 13: Alat pencerapan profil arus Doppler yang dipasang di atas permukaan dasar laut dalam satu jangka masa untuk pencerapan profil aras lautan (ihnsan INOS)



Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





Pengurusan Lautan Mampan dan Holistik

Taman Laut (Kawasan Laut Dilindungi), merupakan hanya sebahagian kecil daripada lautan di Malaysia. Zon Maritim Malaysia (ZMM) adalah 569,845 km persegi adalah lebih luas jika dibandingkan dengan kawasan daratan iaitu 329,758 km persegi. Walau bagaimanapun, hanya 32% daripada dasar lautan ZMM telah diukur secara liputan penuh (sumber: PHN). Tambahan pula, SDG 14 (14.5) menasaskan pemuliharaan sebanyak 10% kawasan marin negara menjelang 2020, Malaysia hanya berjaya memulihara sebanyak 5.4%. Selari dengan ini, banyak pihak berkepentingan lautan di Malaysia terlibat secara aktif dengan Inisiatif Segitiga Karang mengenai Terumbu Karang, Perikanan dan Keselamatan Makanan (CTI-CFF), yang menggalakkan pengurusan yang lebih baik bagi ekosistem terumbu karang dan pesisir pantai yang signifikan secara global. Justeru, peningkatan perolehan dan aksesibiliti data lautan dapat menjadi faktor penentu dalam menyokong penjagaan sumber marin dan melestarikan pengurusan aset marin.

Pengurusan lautan yang holistik dan mampan harus mempertimbangkan keseluruhan ekosistem, termasuk manusia, untuk mengekalkan ekosistem dalam keadaan yang sihat, produktif dan berdaya tahan supaya dapat menyediakan perkhidmatan yang dikehendaki dan diperlukan oleh manusia. Maklumat dan pengetahuan untuk menyokong strategi ini wujud; namun masih terhad. UMT, melalui Pusat Tadbir Urus Lautan di INOS, dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia sedang membangunkan Pelan Pengurusan Mampan untuk Taman Laut Labuan menggunakan data saintifik dan sains sosial yang sedia ada di UMT. Pelan ini dibangunkan untuk menyokong pengurusan lautan yang berkesan dan efisien.

Secara keseluruhannya, dalam merealisasikan sasaran SDG 14, program pemetaan dasar laut dan penyelarasan data lautan nasional perlu diketengahkan. Implementasi sebegini dapat memberi perkhidmatan kepada komuniti marin untuk menyokong pengurusan lautan mampan yang holistik. Pada asasnya, perkongsian dan koordinasi antara agensi kerajaan, NGO, institusi penyelidikan dan pihak berkepentingan adalah mandatori untuk membolehkan setiap pihak memainkan peranan mereka dalam menyumbang ke arah pencapaian SDG 14. Hal ini akan menjadi tunggak dalam memupuk pembudayaan cakna lautan di Malaysia.

Paparan 14: Pelepasan alat pencerapan profil arus Doppler daripada dek belakang kapal penyelidikan UMT (ihsan INOS)



Paparan 15: Pensampel cekau bentos untuk persampelan sedimen laut (ihsan INOS)



Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





ARTIKEL

Nadi Kelestarian Perniagaan di Malaysia

Disediakan oleh: *Jess Yeoh, Lead, Research & Advocacy*
United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB)

Krisis yang dicituskan oleh pandemik COVID-19 telah mengubah dunia secara tidak dijangka. Pada masa yang sama ia telah memberi kesedaran yang tinggi bagaimana objektif perniagaan serta dasar kerajaan memberi kesan kepada masyarakat dan persekitaran. Justeru, di peringkat global mahupun di Malaysia, permintaan kepada amalan dan pelaksanaan prinsip mesra alam sekitar, sosial dan tadbir urus *Environmental, Social and Governance* (ESG) yang positif adalah lebih ketara berbanding dahulu, selaras dengan iltizam sektor kerajaan dan sektor swasta untuk mempromosikan dan memajukan matlamat kelestarian masing-masing. Walau bagaimanapun, ketersediaan data ESG yang masih terhad di Malaysia yang mewujudkan kekangan dalam usaha untuk mempergiatkan lagi penerapan nilai-nilai dan amalan ESG.


Menyedari peranan penting penyertaan sektor swasta untuk membolehkan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Malaysia, *UN Global Compact Network Malaysia & Brunei* (UNGCMYB) telah bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, syarikat dan *Nottingham University Business School* untuk menghasilkan 'Laporan Nadi Kelestarian Perniagaan Malaysia 2022', dalam usaha untuk lebih memahami tahap penerapan amalan berkaitan kelestarian di sektor swasta.

Survei yang dilaksanakan melibatkan 261 responden (yang terdiri dari Syarikat Tersenarai Awam, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Perbadanan Multinasional dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)) merentasi pelbagai sektor. Penemuan ini mungkin tidak dapat digeneralisasikan bagi mewakili populasi secara keseluruhannya. Berikut adalah hasil penemuan utama:

Pemacu Utama Kemampanan Korporat

Hampir 50 peratus daripada responden bersetuju bahawa kerajaan dan pelanggan adalah pemacu utama kelestarian (Carta 1). Sebaliknya, pemberi pinjaman dan pembekal adalah pemacu kemampanan yang paling tidak penting. Penemuan ini menunjukkan perlunya sesi libat urus secara berkala di antara penggubal dasar, pengawal selia dan perniagaan untuk membolehkan pertukaran pendapat dan seterusnya merangka dasar kelestarian yang sesuai dan diterima pakai oleh sektor swasta.

Carta 1: Pendorong Pihak Berkepentingan Terhadap Amalan Kelestarian



Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





Fokus Kemampuan Utama


Penemuan yang menarik adalah syarikat yang lebih besar memberi penekanan yang lebih pada aspek 'alam sekitar' dan 'sosial' berbanding dengan 'ekonomi/ kewangan' dalam aspek kelestarian; manakala Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) meletakkan aspek 'ekonomi/kewangan' sebagai fokus utama mereka, dan manfaat 'sosial' sebagai kurang penting. Tumpuan kepada komponen 'E' dan 'S' oleh kumpulan yang pertama mungkin disebabkan oleh tekanan dari pemain global, atau syarikat yang lebih besar dalam rantai nilai mereka; manakala bagi PKS, aspek ekonomi masih menjadi keutamaan dalam menangani tekanan inflasi dan kemelesetan global.

Komitmen kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

Walaupun terdapat penekanan yang semakin meningkat terhadap kelestarian dan SDG di kalangan pihak berkepentingan tempatan, kurang daripada 20 peratus responden telah menetapkan komitmen terhadap SDG.

Tambahan pula, 45 peratus perniagaan Malaysia tidak memperuntukkan sebarang belanjawan untuk inisiatif kelestarian. Penemuan ini agak membimbangkan kerana ketersediaan pembiayaan dan pelaburan sangat penting untuk memacu agenda kelestarian.

Carta 2: Peruntukan Belanjawan Kelestarian daripada Hasil dan Pembangunan Keupayaan




Kepentingan Kestarian Kewangan

Walaupun terdapat pertumbuhan yang luar biasa dalam pasaran Kestarian Kewangan di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini, 33 peratus responden menyatakan bahawa mereka 'tiada rancangan untuk kelestarian kewangan'. Penemuan ini menyarankan agar penyedia kelestarian kewangan mempertingkatkan kesedaran tentang nilai positif yang mampu diperolehi oleh kumpulan berkepentingan ini menerusi produk kelestarian kewangan dan seterusnya untuk menggalakkan penggunaannya (Carta 3).

Perdagangan Kestarian

Hanya terdapat hampir 20 peratus syarikat yang telah memulakan atau sedang bersiap sedia untuk memulakan perdagangan kelestarian. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara perdagangan, ianya amat penting bagi kerajaan untuk mempengaruhi penggunaan amalan kelestarian dengan menekankan isu sosial (contoh: persekitaran kerja yang baik untuk pekerja), dan isu alam sekitar (contoh: perubahan iklim dan penyelesaian berasaskan alam semulajadi). Ini akan memastikan perniagaan kekal relevan apabila ekspektasi pembeli mengambilkira prestasi kelestarian selain daripada komponen harga dan kualiti.

Carta 3: Kestarian Kewangan Pandangan syarikat mengenai penggunaan instrumen hutang dan memastikan hasil digunakan untuk hasil yang mampan



Rujukan berkaitan laporan ini boleh diakses di pautan <https://www.ungcmyb.org/malaysia-businesses-sustainability-pulse-report>

Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





ARTIKEL

Bantuan dalam Mengharungi Cabaran Pandemik COVID-19 Malaysia

Disediakan oleh: Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial,
Jabatan Perangkaan Malaysia

Seawal Mac 2020, Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular dalam kalangan masyarakat. Pandemik COVID-19 telah memberikan tekanan kepada individu, masyarakat dan negara dari aspek kesihatan, ekonomi, sosial dan politik. Sebilangan besar penduduk Malaysia amat terkesan dengan krisis ini seperti hilang pekerjaan dan pendapatan serta terhimpit dengan masalah kesihatan dan seterusnya menggugat kelangsungan hidup masyarakat keseluruhannya.

Adaptasi kepada norma baharu turut memberikan cabaran kepada masyarakat seperti arahan pemakaian pelitup muka, pembelajaran secara atas talian (online), bekerja dari rumah dan amalan penjarakan sosial. Masyarakat dan organisasi perniagaan dikenakan dengan kos yang lebih tinggi untuk memastikan prosedur operasi standard (SOP), teknologi dan fasiliti dipenuhi sepanjang tempoh pandemik. Dalam hal ini, kerajaan Malaysia, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah bekerjasama bagi menyalurkan pelbagai bantuan kepada rakyat dan golongan sasaran. Di antara bantuan yang diberikan untuk meringankan kos sara hidup, termasuklah program latihan dan kemahiran, moratorium, dana perniagaan, skim perlindungan dan lain-lain. Golongan sasaran adalah terdiri daripada ketua keluarga, kanak-kanak, wanita, orang tua, orang kurang upaya (OKU), pengusaha perniagaan dan isi rumah kumpulan terendah 40 peratus mengikut keperluan dan kesulitan yang dihadapi. Di antara bantuan dan inisiatif yang telah diberikan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Pakej Bantuan dan Rangsangan Kerajaan Persekutuan, 2021

JENIS PAKEJ BANTUAN DAN RANGSANGAN			JUMLAH (RM BILION)
BANTUAN INDIVIDU			
1.	Meringankan beban rakyat	Bantuan Prihatin Nasional: PRIHATIN & KITA PRIHATIN	18.30
		Capaian Internet untuk Pendidikan dan Produktiviti: PENJANA & PEMULIH	3.50
		Program Latihan Kemahiran dan Latihan Semula: PENJANA	2.00
		Bantuan Prihatin Rakyat: PERMAI & PEMERKASA	4.50
		Peningkatan Bantuan Kebajikan Rakyat: PERMAI	2.20
2.	Membantu aliran tunai rakyat	Moratorium Pinjaman: PRIHATIN, PEMERKASA & PEMULIH	95.00
		i-Lestari: PRIHATIN	40.00
		Pengurangan Kadar KWSP: PRIHATIN & PERMAI	19.20
		Bantuan Khas Penjawat Awam: PRIHATIN	1.90
		i-Citra: PEMULIH	30.00
		Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Kehilangan Pekerjaan: PEMULIH	5.10
		Diskaun Bil Elektrik pada 2%-50%: PRIHATIN	1.35
		Harga Siling untuk minyak masak 5kg pada RM30: PEMULIH	1.00
		Program ePENJANA dan eBELIA: PENJANA & PERMAI	0.80
		Bantuan lain dalam semua pakej: Skim Persaraan Swasta, elau <i>frontliner</i> , bantuan pelajar IPT, bantuan OKU, ibu tunggal dan bakul makanan	9.90
JUMLAH BANTUAN INDIVIDU			234.75

Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





JENIS PAKEJ BANTUAN DAN RANGSANGAN			
BANTUAN PERNIAGAAN			JUMLAH (RM BILION)
3.	Membantu aliran tunai perniagaan	Subsidi Upah dan insentif Kerajaan: PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA, KITA PRIHATIN, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ & PEMULIH	24.90
		Special Relief Financing (SRF) dan Targeted Relief and Recovered Facility (TRRF): Semua pakej	16.00
		Moratorium Pinjaman (biz): PRIHATIN & PEMULIH	115.00
		Program Bantuan Majikan KWSP: PRIHATIN	10.00
		SME GO: PENJANA	1.60
		Diskaun bil elektik sehingga 15%: PRIHATIN, PEMERKASA dan PEMULIH	2.00
4.	Merangsang perniagaan, terutamanya PKS dan PMKS	Pembiayaan mikro: PRIHATIN, PERMERKASA, & PEMULIH	4.26
5.	Merangsang perniagaan	Geran Khas Prihatin: PRIHATIN PKS+, KITA PRIHATIN, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ & PEMULIH	6.08
		DanaJamin: PRIHATIN	50.0
		Semua dana fasiliti sektor ekonomi: PRIHATIN	1.00
		MyCIF: PRIHATIN	0.50
		Sokongan bebanan kewangan untuk perniagaan: PENJANA	2.00
		PENJANA pembiayaan pelancongan (PTF): PENJANA	1.00
		Dana automasi dan pendigitalan: PENJANA & PEMERKASA	1.00
		Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) & Dana Jamin PRIHATIN <i>Guarantee Scheme</i> (DPGS): PRIHATIN & PEMULIH	30.00
		Dana untuk SMEs: PEMULIH	1.40
		Lain-lain untuk semua pakej: Pengecualian cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19, Pembiayaan bantuan Bumi-putera, merangsang penubuhan perniagaan baharu, kempen e-dagang IKS dan mikro dan sebagainya.	6.56
JUMLAH BANTUAN PERNIAGAAN			273.3
BANTUAN EKONOMI			
6.	Merangsang perniagaan dan ekonomi	Projek Skala Kecil: PRIHATIN & PEMERKASA	6.00
		Lain-lain (termasuk membesarkan MARRIS): PRIHATIN	1.10
		Insentif Cukai untuk Pembelian Hartanah: PENJANA	1.04
		Dana PENJANA Nasional: PENJANA	1.20
7.	Menangani impak COVID dan menambahbaik pelaksanaan pelbagai langkah-langkah sedia ada, subsidi dan insentif	Berkait Covid-19: PRIHATIN, PERMAI & PEMERKASA+	3.50
		Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK): PERMAI, PEMERKASA & PEMULIH	5.80
		Lain-lain – Klinik Vaksinasi Bergerak, Program Vaksinasi bergerak, Program MyMedic: PEMULIH & PERMAI	0.04
		Dana Keselamatan Makanan: PRIHATIN	1.00
8.	Meningkatkan aliran tunai	Insentif Cukai untuk Kenderaan Penumpang: PENJANA	0.90
		Lain-lain – Bantuan untuk seni, budaya, dan hiburan, bantuan sektor acara dan pameran, bantuan sektor komoditi, teknologi dan lain-lain	1.37
JUMLAH BANTUAN EKONOMI			21.95
JUMLAH BANTUAN KESELURUHAN			530.00

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Penafian : Artikel ini disediakan berdasarkan pandangan dan pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM





Selain itu, kerajaan negeri juga memperuntukkan sejumlah besar bantuan kepada penduduk negeri masing-masing sama ada golongan isi rumah mahupun pertubuhan perniagaan. Bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BANTUAN (2021)	JUMLAH (RM JUTA)
Johor	Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2.0	289.50
Kedah	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas	552.20
Kelantan	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas COVID-19	22.40
Melaka	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas	61.00
Negeri Sembilan	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas	79.60
Pahang	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas COVID-19	35.10
Pulau Pinang	Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang (Penang Lawan COVID-19)	34.00
Perak	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas	108.30
Perlis	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas	0.39
Selangor	Pakej Kita Selangor 1.0	75.90
Terengganu	Inisiatif Khas COVID-19 dan Bantuan Ekonomi Rakyat Terengganu (BERKAT)	59.70
Sabah	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas COVID-19	223.80
Sarawak	Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS)	2,228.20
W.P. Kuala Lumpur	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas	22.40
W.P. Labuan	Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas COVID-19	15.00
JUMLAH BANTUAN KESELURUHAN		3,807.49

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam hal ini, masyarakat secara umumnya telah menerima bantuan dan sokongan dalam mengharungi cabaran semasa pandemik COVID-19. Setiap golongan sasar dibantu dan diperhalusi keperluan dan kesulitan yang dihadapi. Kerjasama di antara pihak kerajaan dan pihak swasta dalam meringankan beban penduduk untuk mengharungi pandemik COVID-19 boleh dijadikan panduan pada masa hadapan.





ARTICLE

Citizen Scientists: Integrating Higher Education and Citizen Scientists Towards Community Development

**Prepared by: Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Prof. Dr. Fauziah Abu Hasan, Dr. Zuha Rosufila Abu Hasan, Assoc. Prof. Ts. Dr. Amir Izzwan Zamri, Siti Nurhasmira Abu Hassan
Universiti Malaysia Terengganu**

The land and ocean are inextricably linked to much broader global sustainable development goals, including increased resilience to the climate crisis, food security and improved social equity. The understanding and better management of the many aspects of sustainability ranging from land-use, power and food consumption, waste management, sustainable fisheries to ecosystem health to reduce pollution. Realising that the sustainable management of resources requires collaboration across borders and sectors through a variety of partnerships, and on a level that has not been previously achieved. Malaysia advocates the use of science to advise national and international legislation to regulate the use of the resources and protect the environment.

Universities are set on the pinnacle of learning, communication, circulation of ideas and thoughts. Apart for that, universities provide data and discoveries verification, knowledge and information dissemination for the policy makers to benefit researchers, students, and society. The roles of universities also expand to strengthen the communities in which they reside by sharing their science communication activities and methodologies, engaging with the locals or becoming sources of policy advice. Hence, it is important for the university to reach down to the grassroots and meet the local community in order to understand the problems, learn and re-learn, co-create projects with the local experts, some of which have the advantage with the local knowledge. Local communities participation is part of the big picture of Sustainable Development Goals (SDG) agenda. Public participation in science and citizen science projects which involve non-professionals taking part in crowd sourcing, data analysis and collection will be able to break down big tasks into understandable components.

For Universiti Malaysia Terengganu (UMT), the rising interest and involvement of citizen scientists who are engaging in science and research activities are viewed as a boon. It allows UMT to expand research into new areas and explore the investigation of problems previously beyond the means of a single researcher or a limited number of researchers. Involving citizens in research also makes it more compelling and acceptable to the public, thereby strengthening the reputation of universities for society. Citizen scientists are not professional scientists and come from different backgrounds. They are passionately engaged in public and research to address problems; highlighting research priorities; co-designing research; documentation of data, assist government and university in policy making, advocate for and contribute to change. Their contribution can be seen at par with professional or fulltime scientists. In a nutshell, a citizen scientist can bring together researchers, policy makers, practitioners and also the public by working together to address issues such as food security, maritime, community livelihood and biodiversity which can align with the 2030 Agenda for Sustainable Development Goals (SDGs). UMT has made efforts to appoint some villagers within Setiu Wetlands as citizen scientists. Some initiatives were done collaboratively with industries and non-governmental organization (NGOs), namely SeaKeepers project HOPE with MMS, RHB for coral protection and sea-turtles, World Wide Fund for Nature Malaysia (WWF-Malaysia), Setiu Wetland Ecotourism Discovery (ECOSWED) and Friends of Setiu.

Disclaimer : This article is prepared based on the views and opinions of the author(s) and do not represent DOSM's perspective





Exhibit 1: Memorandum of Understanding (MoU) Signing Ceremony between Universiti Malaysia Terengganu and WWF-Malaysia and Launching of Setiu Wetlands Scientific Expedition Seminar Proceedings 2016



Exhibit 2: Setiu Wetland Ecotourism Discovery (ECOSWED) actively join programme and exhibition to market traditionally hand-made and naturally-sourced products from Setiu Wetlands



Exhibit 3: Mok Su, a master weaver is involves in Mek Flora Project. A social entrepreneurship initiative project aims to highlight the special relationship between people and nature through eco-tourism in Setiu Wetlands



Exhibit 4: Rumah Tokki as a centre for eco-tourism for nature exploration and local community activities in Setiu Wetlands

Disclaimer : This article is prepared based on the views and opinions of the author(s) and do not represent DOSM's perspective





UMT has awarded YM Tengku Azam Tengku Mat who is better known as 'Ayoh Ku' as citizen scientist due to his active commitment towards community especially in Setiu Wetland area in Terengganu. His expertise includes conservation of mangroves such as repopulation and propagation of 'Berus Mata Buaya' (*Brugueira hainesii*) and stingless bee. Since 2020, Ayoh Ku's Tapak Taman Kelulut Rumah Tokki have been a focal point for the community knowledge transfer related to stingless bee and eco-tourism. The relationship between UMT and Ayoh Ku's community project has resulted in securing Malaysia Social Innovation (MyIS) Community grant worth RM300,000; UMT's Translational Research Grant RM30,000 and Pharmaniaga Sdn. Bhd. Corporate Social Responsibility (CSR) fund RM55,000.

Exhibit 5: Ayoh Ku performing stingless bee honey extraction in the presence of Terengganu's YAM Tengku Puteri Utama Raja




Another prominent community citizen scientist is Mr. Suzairi Zakaria who is better known as 'Dome Nikong' actively conserve and sustain local wild orchids and plants with scientists from UMT, other higher learning institutions and agencies. Through his dedication and collaboration, the Wild Orchid Conservation Centre in Kg. Sungai Tong, Bandar Permaisuri, Terengganu is used as a hub for documentation, propagation, and knowledge transfer. In fact, as a recognition for his excellent contribution, a new orchid species (*Chysis domei*) has been named after him. He also contributed data to the publication of the coffee table book published by the Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) entitled "Setiu Wetland: A Celebration of Nature and Culture" together with UMT academics.

Exhibit 6: Mr. Dome in action during the documentation for the slot Magazine 3



Exhibit 7: Mr. Dome highlighted a new species of *Thismia*, a heterotrophic orchid found in the Terengganu forest (left) and declared as a new species, *Thismia domei*, in conjunction with his name (right)



Disclaimer : This article is prepared based on the views and opinions of the author(s) and do not represent DOSM's perspective





Our nation can benefit fundamentally from citizen scientists in terms of projects, networking and collaborations. Hence, it is important to have strategies towards successful project implementation with these unsung heroes through identification of a clear purpose; effective communications; active engagement; and diversity and inclusion of all aspects of community development. We should recognize citizen scientists as part of the initiative for science practices, research framework and utilizing their full potential to increase public trust towards higher learning institutions. Citizen scientists are increasingly making a difference in terms of protecting the environment and their immediate ecosystem. Collaborations between citizen scientists and scientists benefit both parties as the research done will be more accessible to the general public and the impact on society will be more significant. The joint production of new knowledge will be able to have a positive impact on the nation's science policy initiatives environment and SDG.

Exhibit 8: Friends of Setiu, an association established in September 2015 by a group of local communities to preserve and conserve ecosystem of the Setiu Wetlands



Disclaimer : This article is prepared based on the views and opinions of the author(s) and do not represent DOSM's perspective





ARTICLE

The Path towards Malaysia's Ocean Culture and Consciousness

Prepared by: Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzil Mohd Akhir, Dr. PGeol. Khaira Ismail, Dr. Azizi Ali
Universiti Malaysia Terengganu

Malaysia's dynamic coastline, extraordinarily diverse marine resources, and international shipping route should empower Malaysia to strive towards becoming an exemplary coastal nation and a key player in fulfilling our international obligation for the SDG 14 targets. Malaysia is committed to fulfil these targets through various programs and platforms. However, these efforts are not without challenges and hindrances.

Our fragmented and sectoral approach is the conundrum that challenges Malaysia when managing ocean resources and activities. The need for collective effort and coordination is crucial to support the future we want for our ocean and community nexus. Hence, a framework purposely crafted with interest solely in promoting ocean culture and creating ocean consciousness at various levels of society is crucial.

Accessibility to Ocean Baseline Data

Baseline ocean data encompasses anything related to the ocean's properties, including geological, physical, biological and chemical parameters. Data acquisition is often motivated and funded based on projects and short-term activities without a long-term national repository to record available data that any ocean stakeholders have collected. For example, within Universiti Malaysia Terengganu (UMT), a local database is being developed by Institute of Oceanography and Environment (INOS) to curate metadata of data collected by researchers within UMT. Currently, the database is only made accessible in-house, with the future to accommodate public access. Some of the data collected are depth, current speed, direction, conductivity and species data. However, these data are sparse and very limited in comparison to the breadth of the ocean.

Exhibit 9: Conceptual model of geomorphic zonation and general ecological composition of coral reef ecosystem within Malaysian waters with respect to sampling equipment suitable for the water depths (courtesy of Khaira Ismail)





Exhibit 10: Areas within Malaysia's maritime zone with full coverage seafloor data (depth data acquired using multibeam bathymetry echosounder), no full coverage seabed data (depth data using singlebeam echosounder) and other ocean baseline data from UMT marine portal database. (courtesy of NHC and UMT)

Disclaimer : This article is prepared based on the views and opinions of the author(s) and do not represent DOSM's perspective





Additionally, an initiative that has been carried out is establishing an annual project between UMT via Ocean Mapping and Geospatial group with Universiti Teknologi Malaysia, the Department of Fisheries (DOF) and the National Hydrographic Centre (NHC) to map the Marine Parks of Malaysia since 2017. This ongoing effort has managed to map over three marine parks, namely Taman Laut Labuan, Taman Laut Redang and Taman Laut Tioman. The data is being utilised by all the following agencies in their respective fields and expertise. This program has contribute to better management of the marine jurisdiction by providing data to support informed decision-making. However, participation in data acquisition and sharing should continue beyond here. The initiative should include other ocean stakeholders to achieve a holistic ocean culture and consciousness across the nation.

Exhibit 11: An example of bathymetry map, shown here for Taman Laut Labuan as part of the collaboration between DOF, NHC, UTM and UMT (courtesy of DOF and UMT)




Exhibit 12: Examples of marine landscape zones with its biological assemblages sampled via coral video transects (courtesy of DOF and UMT)



The main underlying issue for the governance of Malaysia is the need for more data and coordination of available and accessible data to ocean stakeholders. NHC, with its Marine Geospatial 2050 program, is an opportunity for the government to use as a platform to allow all ocean stakeholders to participate. To better support the SDG, NHC can be mandated to coordinate collection efforts and improve data access. In addition, communication between government agencies and institutions can be further established to encourage full utilisation of government assets, ensure better standards of ocean data acquisition, and increase data usage while minimising costs and time.

Exhibit 13: Acoustic Doppler Current Profiler over a period of time used to measure water current velocities (courtesy of INOS)



Disclaimer : This article is prepared based on the views and opinions of the author(s) and do not represent DOSM's perspective





A Holistic and Sustainable Ocean Management

Marine Protected Areas, or Marine Parks in Malaysia, are a small portion of the extensive area of our ocean. The maritime area of Malaysia is approximately 569,845 sq. km is vast in comparison to Malaysia's landmass of 329,758 sq. km. However, only 32% of this area has been surveyed for full coverage seabed data. (source: NHC). Furthermore, according to the SDG 14 target 14.5, which is to conserve 10% of the national marine areas by 2020, we are currently at 5.4%. In parallel to this, many ocean stakeholders from Malaysia are actively involved with the Coral Triangle Initiative on Coral Reefs, Fisheries and Food Security (CTI-CFF), which promotes improved management of the globally-significant coral reef and coastal ecosystems. Therefore, increasing high-quality ocean baseline data will be a decisive factor in supporting the protection of marine biodiversity and sustainable management of our marine assets.

A holistic and sustainable ocean management should consider the entire ecosystem, including humans, to maintain an ecosystem in a healthy, productive and resilient condition so it can provide the services humans want and need. The information and knowledge to underpin these strategies exist; however, they are still lacking. UMT, via the Centre of Ocean Governance in INOS, in partnership with DOF to develop a Sustainable Management Plan for Taman Laut Labuan using scientific and social sciences data to support effective ocean management. This is one evidence of the importance of a national ocean data repository to support better ocean management nationwide.

Ultimately, a national ocean data and seabed mapping coordination program that serves the ocean community and stakeholders to support informed decision-making for sustainable ocean management will be the way to nurture ocean culture and consciousness. Essentially, partnerships and coordination between government agencies, NGOs, research institutions and stakeholders should be mandatory to allow each one to play their role in contributing towards the fulfilment of SDG 14.

Exhibit 14: Deployment of Acoustic Doppler Current Profiler (ADCP) from an aft deck on board of UMT's research vessel (courtesy of INOS)





Exhibit 15: Benthic grab sampler for sediment collection (courtesy of INOS)



Disclaimer : This article is prepared based on the views and opinions of the author(s) and do not represent DOSM's perspective





ARTICLE

The Pulse of Business Sustainability in Malaysia

Prepared by: Jess Yeoh, Lead, Research & Advocacy
United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB)

As one of the most widely reaching crises, the COVID-19 pandemic has changed the world in the most unexpected ways. Simultaneously, this disruption has also led to a greater realisation of how business objectives, and government policies, can impact society and the planet. Globally, and in Malaysia, the demand for positive Environment, Social, and Governance (ESG) behaviour is stronger than ever, as both the government and private sector organisations gear up on actions to promote and advance their sustainability related ambitions. Despite the tremendous opportunities that ESG data can bring to improve Malaysia’s sustainability landscape, its availability (especially private sector ESG data) remains scarce.


Given the crucial role of private sector participation needed to enable the attainment of Malaysia’s SDGs, UN Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB), in collaboration with various government agencies, corporations and Nottingham University Business School jointly developed a ‘Malaysia Businesses Sustainability Pulse Report 2022’ to better understand the extent of sustainability related practices within the private sector.

The survey garnered 261 respondents (Public Listed Companies, Government-linked companies, MNCs, and SMEs) across various sectors. The findings may not be generalised to represent the population. Below are some key findings:

Key Drivers of Corporate Sustainability

Almost 50 per cent of the respondents strongly agreed that the government and customers are key drivers of sustainability (Chart 1). On the other hand, lenders and suppliers appear as the least important drivers of sustainability. This finding calls for regular engagement between policy makers, regulators and business on sustainability matters to enable better exchange of views to formulate best fit sustainability policies that would have high levels of buy-in from the private sector.

Chart 1: Key Stakeholders Driving Sustainability Related Practices



Disclaimer : This article is prepared based on the views and opinions of the author(s) and do not represent DOSM’s perspective





Primary Focus of Sustainability

